

## HARGAI PENYU

Negara kita sudah bergerak seiring dengan negara maju yang lain dari segi teknologi dan sains mahupun sektor pelancongan. Banyak lokasi di negara kita yang berpotensi untuk membuka mata pelancong di samping keindahan flora dan fauna negara kita yang unik dan menarik. Salah satu destinasi pelancongan yang menarik ialah Pulau Lankayan yang terletak dalam kawasan SIMCA, di mana pusat pemeliharaan dan pemuliharaan spesies penyu sedang giat dijalankan.

Di Malaysia terdapat tiga jenis penyu, iaitu penyu *Leatherback*, *Green*, dan *Hawksbill*. Di Pulau Lankayan pula hanya terdapat dua jenis penyu, iaitu *Green* dan *Hawksbill*. Objektif Pulau Lankayan ialah memelihara dan memulihara penyu-penyu ini supaya spesies ini tidak terus pupus dan juga sebagai daya tarikan pelancong sama ada pelancong tempatan mahupun pelancong luar negara. Justeru, pelancong asing yang datang melancong ke negara kita akan menggalakkan lagi pertukaran mata wang asing yang seterusnya memberi keuntungan terhadap sektor pelancongan di negara kita.

Penyu merupakan hidupan yang kian pupus dan haruslah dipelihara dan dihargai. Jangka hayat seekor penyu adalah lebih kurang 60 tahun dan tergolong dalam spesies amfibia. Penyu lebih banyak menghabiskan masa di dalam air berbanding di darat walaupun penyu adalah haiwan yang bernafas dengan paru-paru. Jantina penyu boleh dilihat melalui panjang ekornya. Ekor penyu yang panjang ialah jantan manakala ekor yang pendek ialah betina. Selain itu, saiz cengkerang juga dapat menentukan jantina penyu kerana cengkerang yang lebih besar ialah jantan dan cengkerang yang kecil ialah betina. Namun demikian, pada peringkat awal, iaitu selepas telur penyu menetas, jantina penyu sukar dikenal pasti kerana tiada ciri-ciri anak penyu yang boleh membezakan jantannya.

Lazimnya, penyu akan datang ke daratan berpasir pada waktu malam untuk bertelur. Di negara kita, Malaysia terdapat banyak pulau yang telah dijadikan sebagai pusat penjagaan telur penyu. Tapak yang sesuai akan disesuaikan untuk menyimpan telur-telur penyu bagi memastikan telur-telur ini tidak diambil oleh manusia atau dimakan oleh pemangsa. Tapak penetasan seperti ini ada disediakan di Pulau Lankayan. Menurut kajian, hanya 1% sahaja anak penyu yang dilepaskan ke lautan dapat meneruskan kelangsungan hidupnya. Peluang untuk anak penyu yang dilepaskan untuk terus hidup bergantung kepada keupayaan anak penyu untuk berenang selaju mungkin untuk sampai ke kawasan laut dalam supaya dapat melarikan diri daripada pemangsa seperti ikan jerung.

Sumber makanan penyu ialah lumut dan obor-obor, dan ini menjadikan kawasan terumbu karang sebagai tempat paling sesuai untuk penyu berlindung dan bermain serta mencari makanan sepanjang tempoh penyu membesar dan berada di laut. Satu ketika semasa tempoh pembesaran penyu adalah dikenali sebagai '*lost years*' kerana dalam tempoh ini apa yang terjadi kepada penyu adalah tidak diketahui. Sepanjang tempoh penyu membesar, terdapat banyak ancaman terhadap penyu, sama ada daripada hidupan

akuatik yang lain mahupun daripada kegiatan manusia dan ini mendorong penyu kepada kepupusan.

Pencemaran laut yang mengotorkan air laut dan seterusnya merosakkan terumbu karang akan mengakibatkan penyu kehilangan habitat dan sumber makanan. Kerakusan para nelayan juga adalah faktor utama yang menyumbang kepada kepupusan penyu terutamanya nelayan yang menggunakan pukot tunda. Penggunaan pukot tunda oleh nelayan akan menyebabkan semua hidupan akuatik sama ada yang besar atau kecil, termasuklah penyu akan dipukat. Sekiranya penyu termasuk atau tersangkut pada pukot nelayan, penyu berkemungkinan akan mati sebelum ditarik ke daratan. Sekiranya ditarik pun, lazimnya penyu tidak dilepaskan secara baik ke laut. Justeru, peluang penyu yang terperangkap untuk hidup adalah tipis. Terdapat juga nelayan yang sengaja mengambil cengkerang penyu untuk dijadikan barang hiasan.

Di sebalik ancaman terhadap penyu, terdapat pelbagai cara untuk kita menyelamatkan penyu agar tidak terus pupus ditelan oleh arus pembangunan dan sikap rakus manusia. Oleh itu, pihak kerajaan sendiri hendaklah menguatkuasakan undang-undang serta mengenakan hukuman dan denda yang setimpal terhadap orang yang mengambil telur penyu secara haram di samping bersama-sama menjaga laut yang menjadi habitat penyu daripada sebarang pencemaran. Mewartakan kawasan penyu bertelur dan membiak sebagai kawasan lindungan juga merupakan salah satu jalan yang efektif bagi memelihara spesies yang unik ini. Apapun langkah yang diambil dan dikuatkuasakan oleh kerajaan dan pihak berkuasa tidak akan membawa kesan sekiranya masyarakat tidak memberikan kerjasama. Masyarakat haruslah bersama-sama berganding bahu bagi menjaga dan menghargai penyu di negara kita.

Disediakan oleh,  
*Amayalia Losukin & Mansur Kundang*  
*4 Rasional 2008*  
*SMK Sandakan*  
*Julai/Ogos 2008*

